



# Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin dibuka Julai

Oleh [Faizul Azlan Razak](#) - Mei 27, 2023 @ 2:54pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

KUALA NERUS: Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (HPUniSZA) dijangka beroperasi secara berperingkat pada Julai depan.

Naib Canselor UniSZA, Prof Dr Fadzli Adam, berkata hospital itu dibuka pada Jun tahun untuk kakitangan dan pelajar UniSZA sahaja.

Selepas dibuka kepada umum, beliau berkata, hospital itu hanya menawarkan perkhidmatan kesihatan am sebelum diperluas kepada rawatab di wad dan pembedahan hujung tahun ini.

"HPUniSZA mempunyai sembilan klinik dan 20 wad. Kita mampu menerima pesakit dalaman seramai 100 orang, manakala klinik pakar boleh menerima rawatan di antara 30 hingga 50 pesakit sehari," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Institut Jantung Negara (IJN) Ride For Your Heart 3.0 in Terengganu di HPUniSZA di sini hari ini.

Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar melepaskan perlumbaan.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif IJN, Datuk Akmal Arief Mohamed Fauzi dan Pengarah HPUniSZA, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi A Latif.

Seramai 600 peserta seluruh negara menyertai acara berbasikal itu.



Ahmad Samsuri melepaskan perlumbaan berbasikal di Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin sini. - Foto BH/Faizul Azlan Razak